



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 3 Mei 2023 (Rabu) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p><b>Kemalangan Kereta Menyebabkan Lelaki Cedera Otak</b></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/02/kemalangan-kereta-menyebabkan-lelaki-cedera-otak">https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/02/kemalangan-kereta-menyebabkan-lelaki-cedera-otak</a></p>	Utusan Borneo	Neutral
2	<p><b>Kanak-Kanak 12 Tahun Maut Bukan Sebab Strok Haba – JKJNJ</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/256662/berita/s-emas/kanak-kanak-12-tahun-maut-bukan-sebab-strok-haba---jknj">https://www.sinarharian.com.my/article/256662/berita/s-emas/kanak-kanak-12-tahun-maut-bukan-sebab-strok-haba---jknj</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/109606/5/budak-12-tahun-disyaki-mangsa-terbaharu-strok-haba">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/109606/5/budak-12-tahun-disyaki-mangsa-terbaharu-strok-haba</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/05/02/kanak-kanak-12-tahun-disyaki-korban-terbaharu-strok-haba/">https://www.kosmo.com.my/2023/05/02/kanak-kanak-12-tahun-disyaki-korban-terbaharu-strok-haba/</a></p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Berita Harian</p> <p>Kosmo</p>	Neutral

	<p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kematian-kanakkanak-12-tahun-di-kluang-bukan-disebabkan-strok-haba-jknj-417802">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kematian-kanakkanak-12-tahun-di-kluang-bukan-disebabkan-strok-haba-jknj-417802</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2023/05/02/kanak-kanak-mati-disyaki-berpunca-daripada-strok-haba/">https://malaysiagazette.com/2023/05/02/kanak-kanak-mati-disyaki-berpunca-daripada-strok-haba/</a></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/02/kematian-kanak-kanak-di-johor-bukan-akibat-strok-haba/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/02/kematian-kanak-kanak-di-johor-bukan-akibat-strok-haba/</a></p> <p><a href="https://selangorkini.my/2023/05/jabatan-kesihatan-johor-nafi-strok-haba-punca-kanak-kanak-12-tahun-maut/">https://selangorkini.my/2023/05/jabatan-kesihatan-johor-nafi-strok-haba-punca-kanak-kanak-12-tahun-maut/</a></p> <p><a href="https://malaysiadateline.com/kanak-kanak-lelaki-disyaki-jadi-mangsa-terbaru-strok-haba/">https://malaysiadateline.com/kanak-kanak-lelaki-disyaki-jadi-mangsa-terbaru-strok-haba/</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=XR-uV6znToY">https://www.youtube.com/watch?v=XR-uV6znToY</a></p> <p><a href="https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kematian-kanak-kanak-lelaki-di-kluang-bukan-disebabkan-strok-haba-FK10926322">https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kematian-kanak-kanak-lelaki-di-kluang-bukan-disebabkan-strok-haba-FK10926322</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2185725">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2185725</a></p> <p><a href="https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/440652">https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/440652</a></p>	<p>Astro Awani</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>FMT</p> <p>Selangor Kini</p> <p>Malaysia Date Line</p> <p>Malaysia Gazette TV</p> <p>The Sun Daily</p> <p>Bernamea</p> <p>The Malaysia Insight</p>	
3	<p><b>Kanak-Kanak Mangsa Seks Online</b></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/kanak-kanak-mangsa-seks-online/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/kanak-kanak-mangsa-seks-online/</a></p>	<p>Utusan</p>	Negatif
4	<p><b>Peka Jenayah Seksual kanak-kanak</b></p> <p><a href="https://suarasarawak.my/peka-jenayah-seksual-kanak-kanak/">https://suarasarawak.my/peka-jenayah-seksual-kanak-kanak/</a></p>	<p>Suara Sarawak</p>	Neutral
5	<p><b>Kebakaran: Empat Termasuk Dua Kanak-Kanak Selamat</b></p> <p><a href="https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/62629-kebakaran-empat-termasuk-dua-kanak-kanak-selamat">https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/62629-kebakaran-empat-termasuk-dua-kanak-kanak-selamat</a></p>	<p>Berita RTM</p>	Neutral

6	<p><b>Bayi Ditemukan Dalam Timbunan Sampah, Berdekatan Masjid</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/962581/bayi-ditemukan-dalam-timbunan-sampah-berdekatan-masjid">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/962581/bayi-ditemukan-dalam-timbunan-sampah-berdekatan-masjid</a></p> <p><a href="https://www.malaysiakini.com/news/663861">https://www.malaysiakini.com/news/663861</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1096272/bayi-baru-lahir-dibuang-di-tempat-pembuangan-sampah">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1096272/bayi-baru-lahir-dibuang-di-tempat-pembuangan-sampah</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/256625/berita/s emasa/bayi-perempuan-baru-lahir-ditemui-di-tempat-pembuangan-sampah">https://www.sinarharian.com.my/article/256625/berita/s emasa/bayi-perempuan-baru-lahir-ditemui-di-tempat-pembuangan-sampah</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-perempuan-masih-bertali-pusat-ditemukan-di-timbunan-sampah-417784">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-perempuan-masih-bertali-pusat-ditemukan-di-timbunan-sampah-417784</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/bayi-ditemui-di-tempat-pembuangan-sampah/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/bayi-ditemui-di-tempat-pembuangan-sampah/</a></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/02/bayi-masih-bertali-pusat-ditemui-di-tempat-sampah/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/02/bayi-masih-bertali-pusat-ditemui-di-tempat-sampah/</a></p> <p><a href="https://wartaoriental.com/2023/05/03/bayi-ditemui-di-tempat-pembuangan-sampah/">https://wartaoriental.com/2023/05/03/bayi-ditemui-di-tempat-pembuangan-sampah/</a></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-ditemukan-dalam-timbunan-sampah-berdekatan-masjid/">https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-ditemukan-dalam-timbunan-sampah-berdekatan-masjid/</a></p> <p><a href="https://tvstv.my/2023/05/02/bayi-perempuan-baharu-lahir-ditemukan-di-tempat-pembuangan-sampah/">https://tvstv.my/2023/05/02/bayi-perempuan-baharu-lahir-ditemukan-di-tempat-pembuangan-sampah/</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/05/1096272/bayi-baru-lahir-dibuang-di-tempat-pembuangan-sampah">https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/05/1096272/bayi-baru-lahir-dibuang-di-tempat-pembuangan-sampah</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2185665">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2185665</a></p>	<p><b>Harian Metro</b></p> <p><b>Malaysia Kini</b></p> <p><b>Berita Harian</b></p> <p><b>Sinar Harian</b></p> <p><b>Astro Awani</b></p> <p><b>Utusan</b></p> <p><b>FMT</b></p> <p><b>Warta Oriental</b></p> <p><b>Buletin TV3</b></p> <p><b>TVSTV</b></p> <p><b>Berita Harian</b></p> <p><b>Bernamea</b></p>	<p><b>Negatif</b></p>

	<a href="https://www.melaysiakini.com/bayi-ditemui-di-tempat-pembuangan-sampah-87936.html">https://www.melaysiakini.com/bayi-ditemui-di-tempat-pembuangan-sampah-87936.html</a>	Melaysia Kini	
	<a href="https://headtopics.com/my/bayi-ditemui-di-tempat-pembuangan-sampah-38667555">https://headtopics.com/my/bayi-ditemui-di-tempat-pembuangan-sampah-38667555</a>	Head Topics	
7	<b>Remaja Perempuan Hilang Di Selangor, Ditemui Di Perak</b>		Neutral
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1096282/remaja-perempuan-hilang-di-selangor-ditemui-di-perak">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1096282/remaja-perempuan-hilang-di-selangor-ditemui-di-perak</a>	Berita Harian	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/remaja-oku-hilang-lima-hari-ditemukan-selamat/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/remaja-oku-hilang-lima-hari-ditemukan-selamat/</a>	Utusan	
	<a href="https://headtopics.com/my/remaja-oku-hilang-lima-hari-ditemukan-selamat-38668805">https://headtopics.com/my/remaja-oku-hilang-lima-hari-ditemukan-selamat-38668805</a>	Head Topics	
8	<b>Kejayaan Wanita Dalam Bidang Pendidikan Meningkat</b>		Neutral
	<a href="https://tvstv.my/2023/05/02/kejayaan-wanita-dalam-bidang-pendidikan-meningkat/">https://tvstv.my/2023/05/02/kejayaan-wanita-dalam-bidang-pendidikan-meningkat/</a>	TVSTV	
9	<b>Pasangan Warga Emas Disamun, Dipukul Dengan Kayu Besbol</b>		Neutral
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/962377/pasangan-warga-emas-disamun-dipukul-dengan-kayu-besbol">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/962377/pasangan-warga-emas-disamun-dipukul-dengan-kayu-besbol</a>	Harian Metro	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/jenayah/2023/05/warga-emas-trauma-disamun-di-hadapan-rumah-sendiri/">https://www.utusan.com.my/nasional/jenayah/2023/05/warga-emas-trauma-disamun-di-hadapan-rumah-sendiri/</a>	Utusan	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1096079/pasangan-warga-emas-disamun-kereta-dipukul-dengan-kayu-besbol">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1096079/pasangan-warga-emas-disamun-kereta-dipukul-dengan-kayu-besbol</a>	Berita Harian	
	<a href="https://suaramerdeka.com.my/pasangan-suami-isteri-warga-emas-trauma-disamun-dua-lelaki/">https://suaramerdeka.com.my/pasangan-suami-isteri-warga-emas-trauma-disamun-dua-lelaki/</a>	Suara Merdeka	
	<a href="https://www.melakahariini.my/guna-kayu-besbol-samun-warga-emas/">https://www.melakahariini.my/guna-kayu-besbol-samun-warga-emas/</a>	Melaka Hari Ini	

	<a href="https://headtopics.com/my/warga-emas-trauma-selepas-bergelut-dengan-dua-penyamun-38688149">https://headtopics.com/my/warga-emas-trauma-selepas-bergelut-dengan-dua-penyamun-38688149</a>	Head Topics	
10	<p>Warga Emas Tinggal Sehelai Sepinggang Rumah Terbakar</p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/256664/berita/s emasa/warga-emas-tinggal-sehelai-sepinggang-rumah-terbakar">https://www.sinarharian.com.my/article/256664/berita/s emasa/warga-emas-tinggal-sehelai-sepinggang-rumah-terbakar</a></p> <p><a href="https://www.msn.com/en-my/news/berita/warga-emas-tinggal-sehelai-sepinggang-rumah-terbakar/ar-AA1aD4WD?li=AAAHkOw">https://www.msn.com/en-my/news/berita/warga-emas-tinggal-sehelai-sepinggang-rumah-terbakar/ar-AA1aD4WD?li=AAAHkOw</a></p>	<p>Sinar Harian</p> <p>MSN</p>	Neutral
11	<p>Lima Bomoh Warga China Diberkas Perdana Warga Emas</p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2023/05/02/lima-bomoh-warga-china-diberkas-perdaya-warga-emas/">https://malaysiagazette.com/2023/05/02/lima-bomoh-warga-china-diberkas-perdaya-warga-emas/</a></p> <p><a href="https://tvstv.my/2023/05/02/bomoh-halau-hantu-dari-china-diberkas-tipu-lima-wanita-warga-emas/">https://tvstv.my/2023/05/02/bomoh-halau-hantu-dari-china-diberkas-tipu-lima-wanita-warga-emas/</a></p> <p><a href="https://www.malaysiakini.com/news/663819">https://www.malaysiakini.com/news/663819</a></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/02/polis-tumpaskan-sindiket-penipuan-bomoh-antarabangsa">https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/02/polis-tumpaskan-sindiket-penipuan-bomoh-antarabangsa</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2185571">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2185571</a></p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>TVSTV</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Bernamea</p>	Neutral
12	<p>Lelaki OKU Mangsa Seks Luar Tabii</p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1096368/lelaki-oku-mangsa-seks-luar-tabii">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1096368/lelaki-oku-mangsa-seks-luar-tabii</a></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/03/lelaki-oku-jadi-mangsa-serakah-seks-luar-tabii/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/03/lelaki-oku-jadi-mangsa-serakah-seks-luar-tabii/</a></p> <p><a href="https://alhijrahnews.com/lelaki-oku-jadi-mangsa-liwat-dalam-kebun-sayur/">https://alhijrahnews.com/lelaki-oku-jadi-mangsa-liwat-dalam-kebun-sayur/</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/256559/berita/s emasa/oku-diliwat-dalam-kebun-sayur">https://www.sinarharian.com.my/article/256559/berita/s emasa/oku-diliwat-dalam-kebun-sayur</a></p>	<p>Berita Harian</p> <p>FMT</p> <p>Al-Hijrah</p> <p>Sinar Harian</p>	Negatif

<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/05/02/lelaki-oku-didakwa-jadi-mangsa-liwat-rakan/?utm_source=rss&amp;utm_medium=rss&amp;utm_campaign=lelaki-oku-didakwa-jadi-mangsa-liwat-rakan">https://www.kosmo.com.my/2023/05/02/lelaki-oku-didakwa-jadi-mangsa-liwat-rakan/?utm_source=rss&amp;utm_medium=rss&amp;utm_campaign=lelaki-oku-didakwa-jadi-mangsa-liwat-rakan</a>	Kosmo
<a href="https://siakapkeli.my/2023/05/02/remaja-oku-dilapor-hilang-di-meru-ditemui-di-rumah-rakan/">https://siakapkeli.my/2023/05/02/remaja-oku-dilapor-hilang-di-meru-ditemui-di-rumah-rakan/</a>	Siakap Keli
<a href="https://www.msn.com/en-my/news/berita/oku-diliwat-dalam-kebun-sayur/ar-AA1aCiGK?li=AAAHkOw">https://www.msn.com/en-my/news/berita/oku-diliwat-dalam-kebun-sayur/ar-AA1aCiGK?li=AAAHkOw</a>	MSN

## KEMALANGAN KERETA MENYEBABKAN LELAKI CEDERA OTAK

<https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/02/kemalangan-kereta-menyebabkan-lelaki-cedera-otak>

Sumber : Utusan Borneo



KUCHING: Timothy Cornelius Dius, 31, kini mengalami kecederaan otak traumatik yang teruk akibat kemalangan kereta yang tragis awal tahun ini.

Dia yang masih bujang dijaga oleh ibunya, Johnna, 65 tahun, bagaimanapun masih menunggu kelulusan permohonan bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Timothy terlantar sahaja di katil dan hanya dapat diberikan susu menggunakan tiub sebagai pengganti makanan walaupun dia sedar.

"Namun dia juga tidak dapat bercakap atau bergerak banyak," kata ibunya, sedih berkongsi cerita anaknya itu dalam satu kenyataan pada Isnin.

Timothy berasal dari Kampung Sebatuh, Puncak Borneo tinggal bersama ibu dan abangnya yang sudah berkeluarga.

Abangnya merupakan satu-satunya pemberi nafkah kepada keluarga itu dan hanya bekerja sebagai pengawal di sebuah sekolah di sini.

Oleh itu, keluarga ini tidak mampu membeli susu tepung istimewa yang disyorkan oleh doktor kerana mahal untuk keperluan Timothy.


Johnna juga menerima pencen yang sangat kecil, iaitu pencen arwah suaminya.

Baru-baru ini, Hope Place telah menyumbang bantuan susu khas berkenaan kepada Timothy.

## KANAK-KANAK 12 TAHUN MAUT BUKAN SEBAB STROK HABA – JKNJ

<https://www.sinarharian.com.my/article/256662/berita/semasa/kanak-kanak-12-tahun-maut-bukan-sebab-strok-haba---jknj>

Sumber : Sinar Harian



KLUANG - Kematian seorang kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun di daerah ini tiada kaitan dengan [strok haba](#) seperti dilaporkan media.

Pengarah Kesihatan Negeri Johor, Dr Mohtar Pungut @ Ahmad berkata, Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) mendapati kematian kanak-kanak tersebut disahkan sebagai "Septic Shock secondary to Meningoenkephalitis".

"Siasatan yang dijalankan di Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang mendapati, kanak-kanak tersebut telah dimasukkan ke wad kerana mengalami sawan selepas mengalami demam panas sehari sebelum dan mempunyai gejala batuk selama tiga hari.

"Sebab kematian telah disahkan sebagai Septic Shock secondary to Meningoenkephalitis dan tiada kaitan dengan Strok Haba seperti dilaporkan dalam media.

"JKNJ ingin merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mangsa. JKNJ memohon kerjasama semua pihak agar tidak membuat sebarang spekulasi yang boleh menimbulkan kekeliruan kepada orang ramai," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Sebelum itu, media melaporkan seorang kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun meninggal dunia kira-kira 7 pagi Isnin, disyaki mengalami simptom strok haba.


Bapanya, Syahrol Azmi Mohd Hekak, 42, berkata anak keduanya Airiel Syahren disahkan meninggal dunia oleh doktor akibat 'septic shock secondary to meningococcal meningitis' di Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang.

Katanya, anak kedua daripada empat beradik itu, mengalami simptom demam tidak berpeluh, kekejangan otot, muntah, terkencing, terberak dan meracau, kira-kira 10 malam, Ahad lalu.

## **KANAK-KANAK MANGSA SEKS ONLINE**

<https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/kanak-kanak-mangsa-seks-online/>

**Sumber : Utusan**



PETALING JAYA: Gangguan seksual dalam talian melibatkan kanak-kanak dan remaja berusia 18 tahun dan ke bawah terus meningkat apabila sebanyak 1,464 kes direkodkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) tahun lalu berbanding hanya 1,273 kes pada tahun 2021. Pelaku mencari mangsa-mangsanya menerusi pelbagai aplikasi media sosial seperti WhatsApp, WeChat, Instagram, Facebook, MiChat, OMi, Lilmatch dan PUBG. Trend jenayah tersebut membimbangkan apabila dalam...

## PEKA JENAYAH SEKSUAL KANAK-KANAK

<https://suarasarawak.my/peka-jenayah-seksual-kanak-kanak/>

Sumber : Suara Sarawak



WANITA Ikram Sarawak peka dengan isu melibatkan jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

Oleh itu, pelbagai program Malaysians Against Pornography disusun dan diselaraskan dengan beberapa sekolah dan komuniti masyarakat di seluruh Sarawak bagi menangani isu tersebut.

Pendedahan tentang pendidikan seksual perlu bermula sejak awal.

Antara perkara asas yang perlu diajar kepada kanak-kanak ialah Sentuhan Selamat dan Tidak Selamat.

Topik ini merupakan tajuk paling popular dalam modul yang diperkenalkan bagi memahami keselamatan diri mereka.

Ini kerana kadangkala, kanak-kanak juga keliru dengan orang dewasa yang bertopengkan senyuman manis dan kata-kata pujukan.

Mereka faham orang berperangai baik bukan orang jahat, tiada rasa curiga timbul dalam benak yang naif itu.

Apabila terlihat sedikit niat sebenar orang asing atau sesiapa sahaja, mereka mula berasa tidak selesa dan marah.

Namun, terperangkap bagaimana hendak meloloskan diri dari situasi tersebut.

Kadangkala, mereka juga tidak menyedari perlakuan orang yang berniat serong tersebut mencerooh keselamatan seksual mereka kerana tidak memahami taktik yang digunakan.

Beberapa bahagian badan kanak-kanak tidak boleh disentuh sesuka hati seperti dada, kemaluan, punggung dan mulut.

Kanak-kanak perlu diajar mengenal pasti bahagian sulit tersebut supaya dapat melaporkan segera sekiranya ada orang asing yang cuba melihat atau menyentuh bahagian badan tersebut.

Ibu, bapa dan penjaga dinasihatkan agar tidak menggunakan panggilan tertentu bagi bahagian badan tersebut sehingga sukar difahami sekiranya berlaku aduan daripada anak-anak.

Maka, apakah tindakan yang sepatutnya kanak-kanak buat sekiranya berada dalam situasi ini?

Terus jerit sekuat-kuatnya perkataan “jangan” dan terus berlari mendapatkan ibu bapa atau orang dewasa seperti guru melaporkan kejadian tersebut.

Kanak-kanak tidak hanya perlu melaporkan sekiranya orang asing atau sesiapa sahaja yang cuba menyentuh dan melihat bahagian sulit mereka.

Bahkan, kanak-kanak hendaklah melaporkan sekiranya ada orang menunjukkan kemaluan mereka kepada kanak-kanak atau orang asing menyuruh kanak-kanak membuka pakaian untuk menunjukkan bahagian sulit mereka.

Selain itu, sekiranya kanakkanak mendapati ada yang cuba mengambil gambar mereka tanpa pakaian.

Menunjukkan gambar atau video orang yang tidak berpakaian atau sekiranya seseorang cuba menyentuh bahagian sulit kanak-kanak tersebut.

Mereka dinasihatkan tidak menyimpan perasaan tidak selamat ini sendirian dan sentiasa berkongsi dengan ibu bapa atau orang yang dipercayai perkara ini.

Ini antara langkah untuk mendapat perlindungan yang sepatutnya daripada ahli keluarga dan orang dewasa.

Pengetahuan asas untuk kanak-kanak ialah mengenali bahagian sulit masing-masing dan menjaganya daripada dicerobohi orang lain.

Manakala kata kunci untuk kanak-kanak menangani situasi ini ialah “jerit”, lari dan beritahu segera penjaga’.

Semoga anak-anak kita terpelihara daripada kejahatan dan bahaya.

## **KEBAKARAN: EMPAT TERMASUK DUA KANAK-KANAK SELAMAT**

<https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/62629-kebakaran-empat-termasuk-dua-kanak-kanak-selamat>

**Sumber : Berita RTM**



**KLANG, 1 Mei**- Empat individu termasuk dua kanak-kanak terselamat selepas berjaya keluar dari kediaman mereka yang terbakar.

Insiden di Klang pada awal pagi tadi itu dipercayai terjadi ketika mereka sedang tidur.

Menurut Ketua Pusat Gerakan Operasi Bomba Selangor, Zulfikar Jaffar, panggilan kecemasan mengenai kejadian di Kampung Hamid Tuah itu diterima pukul 1.35 pagi.

Sebaik tiba mereka mendapati 50 peratus daripada premis terbabit sedang terbakar.

Semua mangsa berjaya keluar menyelamatkan diri terlebih dahulu tanpa mengalami kecederaan.

Api berjaya dipadamkan sepenuhnya sekitar pukul 2 pagi.

Punca sebenar insiden dan jumlah kerugian sedang dikenal pasti.

## **BAYI DITEMUKAN DALAM TIMBUNAN SAMPAH, BERDEKATAN MASJID**

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/962581/bayi-ditemukan-dalam-timbunan-sampah-berdekatan-masjid>

**Sumber : Harian Metro**



Petaling Jaya: Bayi perempuan masih bertali pusat ditemukan di timbunan sampah berhampiran sebuah masjid di Bella Damansara, Kampung Sungai Kayu Ara, di sini, semalam.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya Asisten Komisioner Mohamad Fakhrudin Abdul Hamid berkata, pihaknya menerima laporan 7.15 pagi berhubung penemuan bayi baru lahir itu oleh seorang wanita yang melalui kawasan itu.

"Ibu dan anak yang menjumpai bayi berkenaan membawa mangsa ke Balai Polis Damansara untuk tindakan lanjut.

"Bayi itu ditemukan dalam keadaan berbalut kain kuning dan bertali pusat serta uri masih bersamanya," katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurutnya, bayi seberat 2.5 kilogram (kg) itu ditemukan dengan kesan kemerah-merahan di pipi sebelah kiri dibawa ke Hospital Sungai Buloh untuk menerima rawatan dan disahkan berada dalam keadaan stabil.

"Bayi berketinggian 49 sentimeter (cm) itu dimasukkan ke wad kanak-kanak Hospital Sungai Buloh.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 317 Kanun Keseksaan dan orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat boleh hubungi Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Petaling Jaya di talian 0379662222 atau mana-mana balai berhampiran," katanya.

## REMAJA PEREMPUAN HILANG DI SELANGOR, DITEMUI DI PERAK

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1096282/remaja-perempuan-hilang-di-selangor-ditemui-di-perak>

Sumber : Berita Harian



KLANG: Polis Klang Utara mengesahkan remaja perempuan yang dilaporkan hilang dari rumahnya di Meru, di sini, sejak Jumaat lalu, sudah ditemui di Hutan Melintang, Perak, oleh keluarganya tengah hari tadi.

Ketua Polis Daerah Klang Utara, Asisten Komisioner S Vijaya Rao, berkata siasatan mendapati remaja berkenaan, Nur Adriana Natasya, 17, ditemui dalam keadaan selamat, baik dan sihat.

"Siasatan mendapati, remaja perempuan yang mempunyai kad Orang Kelainan Upaya (OKU) itu sudah tiga kali melarikan diri dari rumah sebelum ini.

"Bagi kes terbabit, remaja itu dipercayai melarikan diri ke rumah kawan untuk mencari ketenangan dan pulang semula ke rumah selepas dijumpai pihak polis.

"Dalam kejadian terkini, polis berusaha mengesan mangsa yang pada mulanya dipercayai berada sekitar Ampang dan Damansara.

"Hasil maklumat awal, kini mangsa dijumpai di Hutan Melintang, Perak dalam keadaan baik dan sihat oleh keluarganya," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Vijaya Rao berkata, pihak keluarga mangsa menularkan kes kehilangan itu kerana bimbang akan keselamatan mangsa.

Terdahulu, katanya, pihaknya menerima laporan dari keluarga mangsa pada Sabtu lalu, jam 3.57 petang mengenai kehilangannya.

Semalam media melaporkan, kakak merayu bantuan orang ramai untuk mengesan adik perempuannya yang hilang dari kediaman mereka di Meru, Klang.

Nur Amira Natasya Noor Sazli, 20, berkata keluarga terutama ibunya amat bimbang keselamatan adiknya, Nur Adriana atau Yana selepas disedari hilang oleh ibunya kira-kira jam 5 pagi.

Katanya, pada malam sebelum kejadian mangsa kelihatan seperti biasa sahaja, tidak menunjukkan sebarang kelainan sebelum mereka semua tidur.

Bagaimanapun, mangsa yang tidur sebilik dengan ibunya didapati tiada di dalam bilik pada kira-kira jam 5 pagi.

Ibunya yang ketika itu bangun untuk bersiap pergi bekerja, mendapati mangsa tiada dalam bilik dan cuba mencari di kawasan rumah namun tidak dijumpai.

Nur Amira berkata, Yana didapati keluar dengan sehelai sepinggang dan hanya membawa telefon bimbit.

## **KEJAYAAN WANITA DALAM BIDANG PENDIDIKAN MENINGKAT**

<https://tvstv.my/2023/05/02/kejayaan-wanita-dalam-bidang-pendidikan-meningkat/>

**Sumber : TVSTV**



KUCHING, 2 Mei: Pemerksaan wanita dalam bidang pendidikan menunjukkan peningkatan yang ketara, kata Timbalan Premier Sarawak, Dato Sri Dr Sim Kui Hian.

Katanya, kemajuan berkenaan dilihat dari segi peluang kerjaya yang diberikan kepada golongan terbabit berbanding sebelum ini yang dilihat agak terhad.

“Saya akui pendidikan dan pemerksaan golongan wanita seperti yang dikatakan oleh Dato Sri Fatimah dilihat semakin meningkat. Namun, kita masih menanti yang terbaik. Kejayaan golongan

terbabit ketika ini juga amat ketara. Tidak mustahil jawatan-jawatan penting akan lebih banyak dipegang golongan wanita,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan pelancaran buku “Women Practicing Resilience, Self-Care and Wellbeing In Academia : International Stories from Lived Experience” hari ini.

Tambahnya, selain menunjukkan prestasi yang baik dalam bidang diceburi, golongan wanita turut menunjukkan kemampuan memegang jawatan strategik dalam pentadbiran universiti.

Selain itu, beliau turut menekankan kepentingan bidang akademik dalam melahirkan graduan yang mampu menyokong pembangunan negara.

“Profesion dalam bidang akademik adalah kritikal dalam melahirkan graduan yang boleh menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara serta tanggungjawab sosial dari segala aspek sosial yang boleh meningkatkan taraf kehidupan seseorang dan masyarakat,” ujarinya.

Buku tersebut memfokuskan kepada bagaimana wanita dalam bidang akademik mengatasi pelbagai cabaran yang ditempuhi dalam kerjaya mereka serta menyentuh mengenai strategi praktikal untuk mengekalkan penjagaan diri dan kesejahteraan.

Sementara itu, golongan wanita disaran untuk mengutamakan penjagaan diri atau ‘self-care’, serta mementingkan kesejahteraan diri, kata Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak, Dato Sri Fatimah Abdullah.

Hal itu katanya, adalah penting bagi memastikan kesihatan mental kekal sihat.

“Secara keseluruhannya, mengutamakan penjagaan diri dan kesejahteraan adalah penting untuk menjalani kehidupan yang bahagia dan sihat. Dengan menjaga diri kita dan menjadikan kesejahteraan kita sebagai keutamaan, kita boleh mengurus hidup kita dengan lebih baik. Ini terpakai bukan sahaja untuk wanita dalam akademik tetapi juga untuk wanita yang terlibat dalam keusahawanan, badan korporat, perkhidmatan awam dan terutama sekali politik.

Menyentuh mengenai buku tersebut, Fatimah berkata, buku itu mendedahkan perjalanan golongan wanita dalam akademik bukanlah sesuatu perkara yang mudah.

“Laluan untuk wanita dalam bidang akademik jarang sekali kelihatan mudah. Oleh itu, buku ini mengetengahkan perspektif dan pengalaman kerjaya wanita dalam bidang akademik. Para penyumbang turut berkongsi bagaimana pengalaman mereka dibentuk dalam pengalaman harian mereka sebagai ahli akademik,” katanya.

Women Practicing Resilience, Self-Care and Wellbeing In Academia : International Stories from Lived Experience” turut mengetengahkan perspektif golongan wanita antarabangsa dari pelbagai latar belakang yang mana antaranya dari India, Jepun, United Kingdom, New Zealand, Kanada, Vietnam dan Afrika Selatan. – TVS

## PASANGAN WARGA EMAS DISAMUN, DIPUKUL DENGAN KAYU BESBOL

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/962377/pasangan-warga-emas-disamun-dipukul-dengan-kayu-besbol>

Sumber : Harian Metro



Melaka: "Saya masih trauma hingga hari ini, masih teringat bagaimana penjenayah itu pecahkan tingkap kereta dan menjerit meminta beg," itu kata mangsa samun Gan Chui Lan, 66.

Dalam kejadian kira-kira jam 10.45 malam Sabtu lalu, warga emas terbabit bersama suaminya Gue Boon Guan, 65, berdepan detik cemas selepas disamun dua lelaki bersenjata kayu besbol di hadapan rumah mereka di Taman Muhibah, Klebang Besar, di sini.

Menurutnya, ketika itu mereka berdua baharu pulang dari mengikuti seminar di Bandaraya Melaka dan sejurus suaminya turun dari kenderaan untuk membuka pintu pagar tiba-tiba datang sebuah motosikal yang tidak dikenali.

"Melihat seorang daripada mereka datang ke arah kereta dan ingin memecahkan tingkap saya segera keluar melalui pintu pemandu bagi menyelamatkan diri.

"Walaupun ketika itu amat takut dan cemas namun saya cuba untuk tidak panik kerana bimbang perkara buruk akan berlaku.

"Ketika tingkap kereta pecah saya terdengar dia menjerit meminta beg membuatkan saya membaling beg ke dalam kawasan pagar rumah lalu menjerit meminta tolong," katanya ketika ditemui di kediamannya di sini.

Menurut pesara swasta itu, nekad inginkan begnya miliknya, penjenayah terbabit bertindak memanjat pagar kediamannya sebelum melarikan diri selepas memperoleh beg itu.

"Suami turut dipukul dengan kayu besbol di bahagian kaki ketika penjenayah meminta dompet.

"Mujurlah tiada kecederaan serius, saya hanya calar di pipi kiri akibat terkena serpihan kaca tingkap yang pecah.

"Kejadian berlaku amat pantas kerana sebaik anak keluar selepas mendengar saya menjerit kedua-duanya sudah melarikan diri bersama dompet suami dan beg milik saya," katanya yang kerugian wang tunai kira-kira RM400.

Menurutnya, suaminya membuat laporan di Balai Polis Batang Tiga, kira-kira jam 11.25 malam.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Klebang Datuk Lim Ban Hong berkata, berikutan beberapa kejadian jenayah yang dilaporkan berlaku di kawasan itu, pihaknya meminta kerjasama polis untuk meningkatkan rondaan.

"Dua, tiga bulan kebelakangan ini ada kejadian pecah rumah juga berlaku, secara tidak langsung mengganggu-gugat kehidupan penduduk.

"Justeru saya akan berjumpa dengan pihak polis untuk meminta kerjasama kekerapan rondaan kerana dengan kehadiran penguat kuasa penjenayah gentar melakukan aktiviti jenayah," katanya.

## **WARGA EMAS TINGGAL SEHELAI SEPINGGANG RUMAH TERBAKAR**

<https://www.sinarharian.com.my/article/256664/berita/semasa/warga-emas-tinggal-sehelai-sepinggang-rumah-terbakar>

**Sumber : Sinar Harian**



MACHANG - Seorang lelaki warga emas tinggal sehelai sepinggang selepas kediamannya di Kampung Belukar, Pulau Chondong, di sini musnah dalam kebakaran pada Selasa.

Lelaki berusia 76 tahun itu yang juga penghidap 'minor stroke' tinggal bersendirian di dalam rumah sempat keluar menyelamatkan diri dalam kejadian kira-kira jam 1.45 petang.

Komander Operasi Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Machang, Pegawai Bomba Kanan II (PBK II) Muhamad Osman berkata, isteri warga emas itu tiada di rumah ketika kejadian.

Katanya, enam pegawai dan anggota bersama satu jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Machang bergegas ke lokasi selepas menerima panggilan mengenai kejadian pada jam 1.47 petang.

"Kebakaran mengakibatkan rumah separa kekal itu musnah 90 peratus.

"Turut hangus, sebuah kereta Proton Wira dan dua motosikal, masing-masing Yamaha Legenda dan Yamaha Ego," katanya.

Ujar beliau, api berjaya dikawal pada jam 2.11 petang.

"Punca kejadian dan jumlah kerugian masih disiasat," katanya.

## LIMA BOMOH WARGA CHINA DIBERKAS PERDAYA WARGA EMAS

<https://malaysiagazette.com/2023/05/02/lima-bomoh-warga-china-diberkas-perdaya-warga-emas/>

Sumber : Malaysia Gazette



GEORGE TOWN – Kegiatan sindiket penipuan bomoh didalangi warga China yang memperdayakan wanita warga emas di pasar awam dengan menawarkan perkhidmatan konon

mampu mengubati penyakit serta menghalau hantu terbongkar selepas kesemua mereka ditahan Khamis lalu.

Empat wanita dan seorang lelaki yang berusia lingkungan 40 hingga 50 tahun itu ditahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ketika mahu keluar dari negara ini.

Timbalan Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Fisol Salleh berkata, pihaknya menerima laporan mengenai kegiatan sindiket berkenaan daripada lima mangsa sejak awal tahun hingga April lalu membabitkan kerugian berjumlah hampir RM125,000.



Fisol (tengah) pada sidang media di IPK hari ini.

Jelas beliau, kumpulan berkenaan bergerak pada awal pagi bagi mencari mangsa warga emas yang membeli barangan keperluan di pasar awam.

“Modus operasi sindiket ini adalah menghampiri mangsa dan menawarkan ubat bagi merawat penyakit kronik termasuk khidmat menghalau hantu.

“Suspek turut meyakinkan mangsa supaya menyerahkan wang, barangan kemas atau berharga dalam bentuk bungkusan bagi upacara sembahyang selain mendakwa akan menyerahkan kembali bungkusan itu kepada mangsa selepas upacara selesai.

“Ahli sindiket kemudian menukarkan bungkusan berkenaan dengan bungkusan yang lain serta memberitahu mangsa supaya tidak membukanya kecuali apabila sampai di rumah,” katanya pada sidang media di IPK Pulau Pinang hari ini.



Antara barang rampasan.

Tambah Fisol, sebaik bungkusan itu dibuka di rumah, baru mangsa sedar dirinya diperdayakan apabila ia hanya mengandungi botol air minuman dan batu bata.

Kata beliau, hasil siasatan mendapati ahli sindiket itu masuk ke negara ini secara sah dan pernah beberapa kali berkunjung ke sini.

“Berikutan penahanan itu, polis turut merampas sebanyak sembilan telefon bimbit, begasi (lima), pelbagai barangan kemas, jam tangan (11) dan dan matawang China Yuan berjumlah RM60, 853.

“Kesemua suspek direman sehingga esok bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksan iaitu menipu.



Kesemua suspek direman sehingga esok.

“Sehubungan itu, orang ramai dinasihati supaya berwaspada dan tidak sesekali menyerahkan harta benda kepada individu tidak dikenali,” kata Fisol. – MalaysiaGazette

## LELAKI OKU MANGSA SEKS LUAR TABII

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1096368/lelaki-oku-mangsa-seks-luar-tabii>

Sumber : Berita Harian



BATU GAJAH: Seorang lelaki orang kurang upaya (OKU) dipaksa melakukan persetubuhan luar tabii oleh seorang lelaki di sebuah pondok kebun sayur di Batu Gajah, di sini, Ahad lalu.

Ketua Polis Daerah Batu Gajah, Asisten Komisioner Mohamad Roy Suhaimi Sarif, berkata dalam kejadian itu, lelaki OKU lemah intelektual berusia 28 tahun itu diperdaya, kononnya mahu dihantar pulang ke rumah oleh lelaki berusia 36 tahun, sebelum dipaksa melakukan perbuatan keji itu kira-kira 4 petang.

Beliau berkata, pihaknya menerima laporan berhubung kejadian itu 4.32 petang Ahad lalu sebelum tindakan lanjut diambil.

Katanya, bertindak atas maklumat, suspek ditahan jam 11.30 pagi Isnin lalu oleh sepasukan polis daripada Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Batu Gajah dan turut merampas sebuah kereta serta telefon bimbit.

"Mangsa dipaksa melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii selepas suspek memperdayakan mangsa.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan dan suspek ditahan reman selama lima hari bermula semalam (Selasa) hingga 6 Mei ini.

Beliau menggesa orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kes itu supaya menghubungi polis atau pegawai penyiasat, Inspektor Nurhidayah Omar di talian 013-3976564 untuk membantu siasatan.